

Bangunan kerajaan akan lebih menarik

KUALA LUMPUR. Khamis — Reka bentuk bangunan kerajaan pada masa depan akan lebih menarik bagi mewujudkan suasana kerja lebih selesa dan mampu mempertingkatkan mutu serta imej perkhidmatan awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, kata Perdana Menteri, bangunan kerajaan harus mencerminkan kebudayaan negara yang unik dan imej kakitangan perkhidmatan awam.

Menurutnya, kerajaan tidak mahu bangunannya tidak mempunyai imej tersendiri seperti di negara lain.

Katanya, kerajaan kini mampu mengeluarkan peruntukan lebih sedikit bagi membina bangunan pejabat yang lebih selesa dan menarik kerana hasil pendapatan kerajaan meningkat berikutan pertumbuhan pesat ekonomi negara sejak beberapa tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, reka bentuk bangunan kerajaan sebelum ini yang seperti 'kotak rokok' diakui tidak begitu cantik dan selesa berbanding bangunan swasta yang semakin menarik.

"Kakitangan perkhidmatan yang banyak membantu pihak swasta juga berhak mendapat bangunan yang indah, baik dan selesa supaya mereka boleh bekerja dengan lebih baik.

"Sebelum ini ketika negara mengalami kemelesetan ekonomi, dibuat pejabat (kerajaan) yang murah dan mudah didirikan. Tetapi sekarang kita akan menggunakan peruntukan dengan cara baik dan mengadakan bangunan lebih selesa dari segi kemudahan, persekitaran mahupun lanskap," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Jabatan Per-

khidmatan Awam (JPA) bernilai RM70 juta di Jalan Tun Ismail, di sini hari ini. Kompleks tiga blok itu mempunyai pelbagai kemudahan dan dilengkapi peralatan canggih.

Ita menggabungkan tujuh bahagian utama di bawah JPA kecuali Institut Tadbiran Awam (Intan). Penggabungan itu berjaya menjimatkan RM7 juta bagi tujuan membayar kos sewaan, setahun.

Perdana Menteri berharap operasi JPA di kompleks itu dapat menyelesaikan beberapa masalah sebelum ini seperti sistem perhubungan, kenderaan, sewaan pejabat, ruang pejabat dan khidmat bantuan.

Langkah mengumpulkan semua bahagian jabatan itu di bawah satu bumbung juga dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga kerja seterusnya menaikkan produktiviti kakitangan.

Dr Mahathir berkata,

kompleks baru kerajaan yang dirancang dibina di kawasan Perang Besar, dekat Sepang, akan menonjolkan imej dan reka bentuk baru yang menjanjikan keselesaan dan suasana kerja lebih baik.

Menurutnya, beberapa jabatan dan agensi kerajaan akan berpindah ke Perang Besar terutama yang belum diluluskan pembinaannya.

"Pelan di Perang Besar sudah diluluskan oleh kerajaan," katanya.

Kawasan baru pejabat kerajaan Perang Besar dianggarkan seluas 10,00 hektar dan pembinaannya dijangka bermula 1996 dan siap pada 2000.

Selain dari Kompleks JPA, JKR turut menonjolkan reka bentuk baru bangunan kerajaan seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Memorial Tuanku Abdul Rahman, Rumah Puspanita dan Adademi Perukayaan Negara.